

14 DEC 1998

ASEAN-EKONOMI/I

ASEAN AKAN BERALIH KPD LANGKAH LEBIH JITU UTK PULIHKAN EKONOMI

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

HANOI, 14 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean dijangka mengemukakan penyelesaian menerusi langkah jangka panjang dan jangka pendek yang lebih padu untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi apabila mereka memulakan sidang kemuncak di sini, esok.

Kumpulan sembilan anggota itu terheret dalam krisis ekonomi paling buruk sejak 31 tahun sejarah penubuhannya dengan sebahagian daripadanya dicengkam oleh kemelesetan bersama kenaikan harga barangan dan berjuta-juta penduduk hilang pekerjaan.

Menyedari hakikat pentingnya untuk menangani masalah pergolakan ekonomi itu, pemimpin-pemimpin kumpulan tersebut akan mengambil langkah yang lebih jelas dan jitu di sini untuk menenangkan kebimbangan ramai bahawa Asean akan ketinggalan dalam kedudukan pasaran global jika ia tidak bertukar kepada langkah yang lebih pantas untuk mengubah keadaan ketika ini.

Untuk memulihkan ekonomi mereka, para pemimpin itu dijangka memberikan kelulusan mereka terhadap rancangan untuk mempercepatkan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bagi menghapuskan tarif dan menangani kemerosotan pelaburan langsung asing (FDI) ke rantau ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang telah lama menekankan bahawa perpaduan adalah penawar utama untuk menangani pergolakan ekonomi di rantau ini, dijangka tiba di ibu negara Vietnam itu hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak itu.

Menteri-menteri luar Asean yang bertemu semalam menyatakan dalam satu kenyataan bahawa Deklarasi Hanoi yang akan diumumkan pada akhir sidang kemuncak dua hari itu akan menunjukkan keazaman dan usaha-usaha keras untuk mengukuhkan perpaduan dan kerjasamanya bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Apa yang paling utama adalah, pemimpin-pemimpin akan memberikan kebenaran kepada Pernyataan Asean bagi Langkah Berani untuk merangka usaha dan cara bagi meningkatkan suasana perdagangan dan pelaburan serta mengukuhkan perpaduan ekonomi kalangan anggota serantau dan dengan negara-negara bukan Asean.

Diplomat-diplomat di Hanoi menyedari kepentingan bagi Asean untuk mengekalkan kedudukannya sebagai antara destinasi pelaburan menarik utama dengan memulihkan semula ekonomi yang terjejas berikutan krisis matawang pada Julai 1997.

Aliran masuk FDI ke dalam Asean merosot sebanyak 39.7 peratus kepada AS\$19 bilion (RM3.80=AS\$1.00) pada 1997 berbanding dengan AS\$31.4 bilion 1996.

Diplomat-diplomat berkata Asean merancang menawarkan lebih banyak insentif seperti pengecualian cukai dan struktur ekuiti khas kepada pelabur-pelabur berpotensi dalam usaha untuk memulihkan keyakinan di rantau ini.

Bagi mengukuhkan daya saing, kumpulan itu dijangka meningkatkan Kawasan Pelaburan Asean (AIA) dan skim Kerjasama Perindustrian Asean.

Bagi perdagangan pula, pelbagai pandangan dan pendapat yang berbeza dikemukakan bagi mencari pendekatan terbaik untuk mempercepatkan proses Afta dalam mesyuarat persediaan sebelum sidang kemuncak itu.

Menteri-menteri dijangka berkumpul malam ini untuk mencari satu kata putus terhadap semua pandangan dan pendapat tersebut dengan Malaysia diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, yang tidak dapat hadir dalam dua mesyuarat awal sebelum ini

berikutan beberapa komitmen penting di Kuala Lumpur.

Mekanisme bagi Afta adalah skim keistimewaan tarif berkesan sama rata (CEPT) yang disasarkan untuk menghapuskan tarif barangan yang diniagakan di rantau ini menjelang tahun 2003 bagi kebanyakan anggota Asean.

Seorang diplomat Asean berkata mempercepatkan jadual perlaksanaannya adalah satu perkara, tetapi apa yang lebih penting adalah jumlah barangan yang diletakkan dalam senarai kemasukan bagi pengurangan tarif.

Asean masih mempunyai 836 senarai tarif yang diletakkan di bawah senarai Pengecualian Umum (GE) yang dikecualikan daripada konsesi CEPT.

Brunei menduduki senarai teratas dengan 239 diikuti oleh Vietnam (131) dan Singapura (120). Malaysia mempunyai 63 tarif yang diletakkan di bawah senarai GE.

Barangan yang dikecualikan adalah atas alasan-alasan tertentu seperti sebagai perlindungan keselamatan negara, kesihatan, sosial dan penjagaan moral serta perlindungan kehidupan haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

"Tetapi mengapa anda meletakkan barang seperti tayar dalam senarai GE?" tanya diplomat itu sambil menambah sepatutnya terdapat senarai sama agar tiada siapa yang memperolehi kelebihan berbanding orang lain dengan proses mempercepatkan Afta.

Dokumen penting lain yang akan diumumkan pada akhir sidang kemuncak itu adalah -- Pelan Tindakan Hanoi untuk Melaksanakan Wawasan Asean 2020 -- yang akan mengemukakan program kukuh bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi, mengukuhkan perpaduan perdagangan kalangan Asean, menggalakkan pembangunan sub-serantau dan sumber manusia.

Seorang diplomat berkata: "Untuk pemulihan Asean, ia memerlukan pasaran bersepadu yang besar daripada apa yang ada sekarang."

Pelan tindakan itu juga akan merangkumi usaha meringankan kesan sosial daripada krisis itu dan memberi perhatian kepada isu alam sekitar, katanya.

Pakej bantuan kewangan bagi Asean akan dikemukakan ketika pertemuan pemimpin-pemimpin Asean dengan Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi, seorang daripada tiga rakan dialog Asean yang hadir di Hanoi.

Beliau dijangka mengumumkan pada sidang kemuncak itu pakej kredit yen bernilai kira-kira satu trilion yen (kira-kira AS\$8.3 bilion) bagi negara-negara Asia yang terjejas berikutan krisis tersebut untuk membantu mengumpulkan mudahtunai.

Beliau juga akan menyentuh mengenai pakej Jepun bernilai AS\$30 bilion yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan Jepun Kiichi Miyazawa untuk membantu usaha-usaha pemulihan bagi Asia.

--BERNAMA

MAM ZK OS